

## STATUS TERKINI PERMOHONAN PROGRAM SUBSIDI UPAH 2.0

Sejak Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0) bermula pada **1 Oktober 2020 sehingga 28 Oktober 2020**, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menerima **52,510 permohonan** daripada majikan, yang mewakili **529,269 pekerja**.

Dalam tempoh tersebut, **Selangor** mencatatkan **jumlah permohonan paling tinggi** dengan **13,741 permohonan** daripada majikan yang mewakili **139,026 pekerja**. Ini diikuti dengan **Kuala Lumpur** di mana **7,181 majikan** mengemukakan permohonan untuk **74,516 pekerja**.

Permohonan untuk PSU 2.0 boleh dibuat melalui **prihatin.perkeso.gov.my**. Permohonan dibuka sehingga **31 Disember 2020**.

Bagi majikan yang permohonan untuk PSU 1.0 ditolak sebelum ini, mereka boleh kemukakan permohonan baru untuk PSU 2.0. Majikan dalam kategori ini layak menerima bantuan PSU 2.0 selama **enam bulan**.

Sementara itu, majikan yang ketika ini menerima bantuan **PSU 1.0**, layak menerima **tiga bulan** PSU 2.0.

Majikan diingatkan supaya **tidak mengemukakan tuntutan palsu** kerana PERKESO tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang tidak jujur.

Untuk apa-apa pertanyaan atau aduan, sila hubungi kami melalui nombor **careline PERKESO 1300-22-8000** atau menerusi **AduanPSU <https://bit.ly/eAduanPSU>**.

Buat masa ini, semua kaunter pejabat PERKESO di negeri-negeri yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ditutup sehingga tamatnya tempoh PKPB.

**#StayActiveStayHealthy**

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**  
**KETUA EKSEKUTIF, PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**KUALA LUMPUR**  
**30 OKTOBER 2020**

*DISCLAIMER PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengkalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.*